

ASEAN terus jadi tarikan untuk pelaburan jangka panjang

Bernama

Jun 8, 2022 19:33 MYT



ASEAN telah berkembang menjadi lebih terdidik dan mempunyai kelebihan sebagai salah satu pengeluar terbesar dalam rantaian pembekalan global. - Asean.org



Berita Berkaitan

[Lagi](#)

DUNIA

Mesyuarat khas Menteri Luar ASEAN-India diadakan minggu depan



MALAYSIA

Malaysia alu-alukan Arab Saudi manfaatkan penyertaan negara dalam RCEP - MITI




DUNIA

Australia ulangi ikrar salur AS\$470 juta untuk ASEAN



DUNIA

FAO sedia bantu ASEAN hadapi perubahan iklim



BISNES

Thailand sasar capai nilai perdagangan

AS\$30 billion dengan

Kuala Lumpur: Rantau ASEAN terus menjadi destinasi pelaburan yang menyokong dan menarik dalam jangka panjang disebabkan penduduknya yang muda menjanjikan ekonomi yang bersemangat dengan sokongan sektor ekonomi utama seperti komoditi, ladang serta minyak dan gas.

Ketua Pegawai Eksekutif UOB Asset Management Malaysia Lim Suet Ling menjelaskan, sebagai ekonomi keempat terbesar dengan lebih daripada 600 juta populasi, ASEAN telah berkembang



TERKINI

ENGLISH

MALAYSIA

VIDEO

DUNIA

POLITIK

HIBUR LIVE

Berita Terkini[Lagi](#)


"Daripada segi pelaburan langsung asing (FDI), kita lebih murah berbanding China, oleh itu saya percaya FDI akan terus muncur masuk," katanya dalam sesi panel di Invest ASEAN 2022 yang bertajuk 'Pasaran dan Wang Pintar : Pergelutan atau Kejayaan' hari ini.

Popular di Astro AWANI

1. Mayat anak Gabenor Indonesia ditemui selepas 14 hari hilang di Sungai Aare (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-anak-gabenor-indonesia-ditemui-selepas-14-hari-hilang-di-sungai-aare-365508?utm_source=embed-news-keyword&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20220610%20Embed%20Berita%20Popular)
2. Bertengkar dengan jiran, warga emas maut dipukul dengan kayu (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bertengkar-dengan-jiran-warga-emas-maut-dipukul-dengan-kayu-365514?utm_source=embed-news-keyword&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20220610%20Embed%20Berita%20Popular)

Bagaimanapun, bagi meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan, Lim berharap akan dapat melihat lebih banyak unikorn internet yang muncul atau disenaraikan.

Beliau menegaskan bahawa perjanjian perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN juga dapat diperkuuhkan dengan memupuk kerjasama yang lebih mendalam untuk mewujudkan peluang pelaburan yang lebih baik.



Pegawai di kaunter untuk beri kelulusan permohonan pasport dalam talian - KP Imigresen



Bas terbabs, 15 rakyat Malaysia terlibat dalam kemalangan di Muzdalifah, Arab Saudi



Wadar dan rakan mengaku tidak bersalah edar dadah



GLIC/GLC diyakini jadi pemangkin matlamat kemampanan Malaysia - Tengku Zafrul



Pas sedia hadapi risiko tewas PRU15 jika terus kekal dalam PN - Abdul Hadi

Dapatkan berita terkini melalui emel anda

[Emel Anda](#)
[DAFTAR](#)

Lim ketika mengulas mengenai pelaburan, menasihatkan para pelabur agar bertahan disamping terus mengamalkan kewaspadaan dalam pegangan mereka buat masa sekarang berikutan kelembapan dalam jangkaan kenaikan kadar faedah kenaikan oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed).



TERKINI

ENGLISH

MALAYSIA

VIDEO

DUNIA

POLITIK

HIBUR



"Sektor pertumbuhan lain termasuk pelancongan dan saham-saham yang berkaitan dengan perubatan tetapi kita bukan sahaja melihat ke arah permodalan yang besar, tetapi juga yang lebih kecil dan di bawah nilai kerana kita percaya wujud peluang yang belum diteroka lagi," kata Lim.

Ketua Pegawai Pelaburan Maybank Islamic Asset Management, Muhammad Riduan Jasni dalam sesi panel yang sama berkata prestasi penerbitan sukuk terbukti lebih berdaya tahan berbanding bon kerana pertumbuhan industri Syariah adalah sangat mengujakan berikutan kesedaran yang lebih tinggi di kalangan negara-negara Islam.

Prestasi sukuk yang disokong dengan penanda aras Islam adalah lebih baik sehingga mampu mengatasi penanda aras konvensional memandangkan pelaburan ini adalah lebih menarik.

"Anda dapat melihat banyak permintaan yang datang daripada korporat, dana pencen dan ini pasti akan membantu memacu pertumbuhan industri," katanya.

Oleh itu, tindakan tersebut akan menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan industri pelaburan Islam di Malaysia.

-- BERNAMA

Cara lain mengikuti berita kami

- *Telegram*
(<http://bit.ly/37LkRRB>)

#ASEAN #ekonomi #pelaburan #pembekalan global

POLISI PRIVASI

TERMA PENGGUNAAN

PELABUR



© 2022 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.